

PENERAPAN MODEL FALSAFAH BAHASA PENYATUAN BANGSA: SATU KAJIAN ANALISIS KEPERLUAN

(Application of the National Unified Language Philosophy: A Study of Needs Analysis)

MOHD KHAIDIR ABDUL WAHAB

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
mohdkhaidir@usm.my

MOHAMAD NORTAUFIQ NORHASHIM

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
taufiq.norhashim@gmail.com

Dihantar pada:

13 Mei 2019

Diterima pada:

10 September 2019

Koresponden:

mohdkhaidir@usm.my

Abstrak: Model Falsafah Bahasa Penyatuan Bangsa (MOFPEB) telah dibangunkan menggunakan kaedah kajian reka bentuk dan pembangunan yang telah diperkenalkan oleh Richey & Klein. Kajian ini meninjau keperluan penerapan model MOFPEB berdasarkan pandangan pelajar linguistik bahasa Melayu. Dalam fasa analisis keperluan ini, pengumpulan data dijalankan melalui kaedah tinjauan menggunakan soal selidik ke atas 40 orang pelajar linguistik bahasa Melayu di Universiti Sains Malaysia (USM). Analisis data dibahagikan kepada tujuh tema utama yang terkandung dalam model MOFPEB, iaitu tema konsep, matlamat, kepentingan, kurikulum, strategi pembelajaran pelajar, strategi pengajaran pensyarahan serta pengujian dan penilaian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa model MOFPEB berpotensi untuk diterapkan dalam PdPc linguistik bahasa Melayu berdasarkan tahap persetujuan yang tinggi dan interpretasi yang memuaskan dalam kalangan responden kajian. Implikasi kajian ini membuktikan bahawa aspek penerapan nilai dan potensi pelajar dalam PdPc linguistik bahasa Melayu perlu berjalan seiring dengan aspek kandungan bagi melahirkan individu pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sosial.

Kata Kunci: Penerapan, model, PdPc, linguistik Bahasa Melayu, analisis keperluan

Abstract: The Model of the Language Integration Philosophy (MOFPEB) was developed using a research and development approach introduced by Richey and Klein. This study examines the need for adopting MOFPEB models based on the views of Malay linguistic students. In this analysis of needs, the data was collected through a survey using a questionnaire that is answered by 40 of Malay linguistics students at Universiti Sains Malaysia (USM). Analytical data is divided into seven main themes in the MOFPEB model, namely theme concepts, goals, significance, curriculum, student learning strategies, lecturer teaching strategies and testing and evaluation. The findings show that the MOFPEB model has the potential to be applied in Malay-language and linguistic T&L based on huge number of agreement and satisfactory interpretation among the respondents. The implication of this study proves that the application of value and potential of students of Malay Language and linguistics studies in T&L must be in line with the aspect of content in order to produce a balanced, physically, emotionally, spiritually, intellectually and socially good students.

Keywords: Application, model, T&L, linguistic of Malay Language, requirement analysis

PENGENALAN

Model Falsafah Bahasa Penyatuan Bangsa (MOFPEB) (LY2019000405) telah dibangunkan menggunakan kaedah Kajian Reka Bentuk dan Pembangunan (*Design and Development Research Approach*) yang telah diperkenalkan oleh Richey dan Klein (2007) untuk tujuan pembangunan model. Berdasarkan kaedah ini, proses kajian ini terbahagi kepada tiga fasa. Fasa pertama melibatkan proses mengenal pasti analisis keperluan. Fasa kedua merupakan fasa pembangunan model bagi mereka bentuk Model (MOFPEB), manakala fasa ketiga melibatkan penilaian sama ada (MOFPEB) ini perlu dibuat penambahbaikan atau pengubahsuai. Hasil dapatan di fasa penilaian telah dianalisis dengan menggunakan dua pendekatan berdasarkan cadangan Zainudin (2015) dan Bryne (2001). Perbincangan berkaitan kedua-dua pendekatan ini adalah seperti berikut.

Data kajian dianalisis bermula dengan beberapa langkah. Langkah pertama ialah analisis faktor dilakukan dengan menggunakan pendekatan EFA untuk menguji kesahan (*validity*) setiap pemboleh ubah bagi membentuk beberapa kelompok besar faktor yang baharu. Dua kaedah telah dijalankan, iaitu: (i) kaedah “*Principal Axis Factoring*” dengan memilih “*eigenvalues*” melebihi atau sama dengan satu (≥ 1); (ii) menggunakan *varimax* dengan mengambil faktor pemberat (*loading factor*) ≥ 0.6 . Daripada data EFA (*loading factor*) akan membentuk komponen baru (Zainudin 2015).

Dalam kajian ini subtema baharu akan dibentuk melalui analisis EFA. Antara kelebihan pendekatan EFA ialah ia mengambil pelbagai maklumat daripada komponen besar data yang saling berkaitan antara satu sama lain. EFA juga menstrukturkan semula pemboleh ubah serapan kepada beberapa komponen faktor berdasarkan hubungan dalam korelasi matriks. Antara kelemahannya pula ialah ia hanya mempunyai sedikit kuasa mengawal pelbagai pemboleh ubah yang memerlukan satu model yang dapat mengesahkan kesemua pemboleh ubah yang diuji (Hairunnizam, Radiah dan Sanip 2010; Hair et al. 2006). Daripada komponen baharu yang dibentuk, proses pengujian dengan menggunakan Analisis Pengesahan Faktor (*Confirmatory Factor Analysis – CFA*) untuk menghasilkan model.

Langkah kedua pula ialah pendekatan CFA digunakan terhadap pemboleh ubah cerapan (*observed*) dan pemboleh ubah pendam (*latent*). Pendekatan CFA dengan mengaplikasikan Pemodelan Persamaan Berstruktur (SEM) dengan menggunakan perisian IBM ® SPSS ® Amos versi 22.0. Tujuan analisis ini adalah untuk mengetahui bentuk kandungan model MOFPEB. Analisis SEM merupakan kaedah pengujian model untuk melihat perhubungan antara sekumpulan pemboleh ubah dalam kajian (Rosnah 2013, Chua 2009).

Analisis SEM mempunyai dua fungsi. Fungsi pertama ialah menjadi alat untuk mengenal pasti perhubungan antara variabel dalam model yang dicadangkan oleh pengkaji. SEM berupaya mengenal pasti corak varians dan kovarians dalam data kajian yang sepadan dengan model. Fungsi kedua analisis SEM ialah sebagai alat untuk pengembangan model. SEM menggabungkan fungsi pengenalpastian dan penjelajahan, iaitu ia akan mencadangkan perhubungan baharu antara variabel dalam model jika model yang dicadangkan tidak sepadan dengan data kajian. Kesepadan model pengukuran dengan data kajian adalah amat penting. SEM digunakan bagi membina model persamaan struktural yang sepadan dengan data kajian.


MODEL YANG DIBANGUNKAN

Pembangunan model MOFPEB yang dibangunkan oleh pengkaji adalah seperti dalam Rajah 1. Kandungan Model Falsafah Bahasa Penyatuan Bangsa (MOFPEB) ini mempunyai tujuh tema, 17 subtema dan 35 elemen. Tema tersebut ialah: (i) konsep, (ii) matlamat, (iii) kepentingan, (iv) kurikulum, (v) strategi pembelajaran pelajar, (vi) strategi pengajaran pensyarah dan (vii) pengujian dan penilaian. Setiap tema pula telah membentuk subtema yang menjadi faktor utama mewakili elemen yang bersesuaian.

Tema Konsep

Tema Konsep ini dibahagikan kepada empat subtema, iaitu individu, masyarakat, ilmu dan pemikiran. Subtema yang dikemukakan ini merupakan asas kepada bidang falsafah bahasa dan mempunyai keselaruan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu untuk memperkembangkan lagi potensi individu secara

menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.



RAJAH 1: Model Falsafah Bahasa Penyatuan Bangsa (MOFPEB)

Hak cipta: LY2019000405

Peranan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan perlu dilengkapkan dengan pengetahuan dan kemahiran bahasa agar setiap individu menggunakan bahasa untuk menyampaikan fakta yang betul dan sahih. Apabila wujudnya penguasaan dan penghayatan yang baik oleh setiap individu terhadap bahasa Melayu akan mewujudkan interaksi yang berkesan dalam masyarakat pelbagai kaum. Daripada sudut ilmu pula, kaedah penggabungjalinan dan penyerapan ilmu diajarkan melalui pemupukan secara lebih agresif konsep bahasa Melayu selaku bahasa negara agar dapat mewujudkan jati diri kebangsaan. Hasilnya, pemikiran seseorang individu dan masyarakat dapat diorientasikan agar mementingkan penyatupaduan nasional melalui proses penaakulan dan penilaian kendiri.

Tema Matlamat

Tema Matlamat dibahagikan kepada tiga subtema, iaitu jati diri, bahasa negara, dan nasionalisme. Hakikatnya, apabila bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa negara melalui etos nasional, iaitu menjurus kepada usaha mengupayakan bahasa Melayu sebagai wahana penyampaian polisi untuk penyatupaduan nasional akan menyemai perasaan masa depan sepunya yang dikongsi bersama dalam kalangan masyarakat. Apabila jati diri sepunya telah dipupuk akan memudahkan usaha membudayakan nilai nasionalisme dan patriotisme terhadap negara dalam PdPc linguistik bahasa Melayu.

Tema Kepentingan

Tema Kepentingan dibahagikan kepada dua subtema, iaitu prinsip dan praktikal. Antara elemen yang terkandung dalam subtema prinsip ialah “Pembinaan suatu kerangka Falsafah Pendidikan Bahasa Melayu sebagai bahasa negara”. Berdasarkan kajian Awang (1997) serta Mohd Rashid dan Abu Hassan (2010) idealisme berkaitan elemen ini telah dicadangkan agar falsafah pendidikan bahasa Melayu menjadi sub kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dapatkan yang merujuk kepada elemen ini telah memperkuuhkan lagi kajian sebelum ini melalui kesepakatan pakar-pakar yang berwibawa dan penilaian oleh pensyarah linguistik bahasa Melayu. Berdasarkan elemen prinsip yang diketengahkan mampu menyediakan pelajar yang berpotensi

untuk memajukan diri melalui penguasaan kemahiran berbahasa Melayu yang baik seterusnya matlamat melahirkan “nasionalisme bahasa” yang menjadi asas penting dalam pembentukan konsep kenegaraan dapat dicapai secara praktikal (subtema kedua) (Mohd Khaidir 2017).

Tema Kurikulum

Tema Kurikulum pula dibahagikan kepada dua subtema, iaitu pendidikan umum dan pewarisan nilai. Pendidikan umum diketengahkan melalui kaedah penyerapan ke dalam subjek linguistik bahasa Melayu dengan memberikan pengetahuan kepada pelajar bahawa penggunaan bahasa Melayu yang baik melambangkan imej sesebuah negara. Di samping itu, PdPc bahasa Melayu turut mengambil kira potensi individu berdasarkan perkembangan jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial. Subtema pewarisan nilai pula menekankan usaha “Pemanusiaan Manusia” (Awang 2004, 1997). Usaha dilaksanakan dengan memberikan kemahiran tentang kehidupan masyarakat pelbagai kaum yang menghormati antara satu sama lain dan menjadikan pelajar lebih peka terhadap bahan yang timbul akibat penggunaan bahasa yang tiada kesantunan.

Tema Strategi Pembelajaran Pelajar

Tema Strategi Pembelajaran Pelajar pula dibahagikan kepada dua, iaitu potensi berbahasa dan refleksi diri. Potensi berbahasa ditekankan agar proses sosialisasi yang baik antara pelajar pelbagai kaum dapat diwujudkan. Penekanan kepada aspek keterampilan berkomunikasi juga penting agar bahasa yang digunakan semasa pergaulan antara pelajar pelbagai kaum berlandaskan penilaian dan penghayatan terhadap sensitiviti budaya sesuatu kaum. Subtema refleksi diri dikemukakan untuk menerapkan nilai kesyukuran kepada Tuhan yang menganugerahkan bahasa. Justeru, atas rasa kesyukuran itu aspek adab dan kesantunan berbahasa semasa berkomunikasi perlu ditegaskan antara pelajar pelbagai kaum untuk memupuk penyatupaduan antara satu sama lain. Akhirnya, pemupukan perasaan hormat dan megah pelajar menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa negara yang melambangkan imej dan maruah bangsa Malaysia perlu ditegaskan.

Tema Strategi Pengajaran Pensyarah

Tema strategi pengajaran pensyarah dibahagikan kepada dua subtema, iaitu perancangan dan aktiviti. Dalam merancang pengajaran, pensyarah perlulah membuat rancangan mengajar harian yang memuatkan unsur pendekatan bersepadu secara terancang dan berterusan. Di samping itu, pensyarah juga perlulah merancang pengajaran yang mempamerkan jati diri Malaysia dengan memilih bahan rangsangan yang sarat nilai penyatupaduan nasional. Subtema aktiviti pula memerlukan seseorang pensyarah menghindarkan bahan pengajaran yang berunsur rasis sama ada secara eksplisit atau implisit. Justeru, pensyarah seharusnya memperoleh maklumat dan fakta yang tepat semasa proses PdPc linguistik bahasa Melayu. Apa yang lebih penting seseorang pensyarah seharusnya memberikan perhatian kepada aspek penyerapan ilmu dan nilai seiring pengajaran sistem bahasa dan kemahiran bahasa.

Tema Pengujian dan Penilaian

Tema pengujian dan penilaian dibahagikan kepada dua subtema, iaitu formatif dan sumatif. Dari aspek formatif pensyarah perlu membuat pemilihan item pengujian dan penilaian yang bersesuaian dan relevan kepada semua pelajar yang berbeza latar belakang budaya dan etnik. Di samping itu, fokus juga diberikan melalui sesi perdebatan yang bersifat ilmiah dan bertatasila dalam kalangan pelajar pelbagai kaum. Penilaian dari aspek kognitif harus juga dilengkapkan dengan aspek afektif. Seterusnya, pengujian dan penilaian yang seimbang dari segi penguasaan sistem bahasa dan pembinaan sahsiah diri serta proses menentukan perubahan tingkah laku pelajar melalui pertimbangan nilai yang dipelajari juga perlu diberikan tumpuan.

ANALISIS KEPERLUAN

Kajian analisis keperluan dijalankan untuk mengumpulkan maklumat dalam konteks dan persekitaran yang hendak dikaji (Saedah et al. 2013, Aliza dan Zamri, 2015). Dalam konteks kajian ini, fasa analisis keperluan dijalankan untuk mendapatkan maklumat daripada responden kajian yang terdiri daripada pelajar linguistik bahasa Melayu di USM berkaitan keperluan penerapan

model (MOFPEB) dalam PdPc linguistik Bahasa Melayu.

Jelaslah bahawa kumpulan sasaran berupaya memberi maklumat yang berguna untuk menerapkan model yang dapat memenuhi keperluan pengguna (Aliza dan Zamri 2015). Hal ini disokong oleh Rashidah (2013) yang menyatakan bahawa fasa analisis keperluan merupakan fasa yang bertujuan untuk mengenal pasti beberapa aspek yang berkaitan dengan kumpulan sasaran. Dengan itu, dapatan dan maklumat dalam fasa analisis keperluan akan digunakan sebagai data yang menunjukkan tahap penerimaan yang memuaskan dalam kalangan responden kajian sebelum proses penerapan model dijalankan (De Witt 2010).

PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan utama dalam kajian ini ialah berkaitan penumpuan PdPc linguistik Bahasa Melayu yang terlalu menitikberatkan aspek kandungan seperti penguasaan sistem bahasa dan kemahiran berbahasa mengakibatkan kurangnya perhatian terhadap aspek falsafah yang mendasari aspek kandungan dalam bidang linguistik bahasa Melayu. Hal ini disokong oleh Awang Sariyan (2004, 2014), iaitu PdPc bahasa Melayu yang hanya menitikberatkan penguasaan sistem bahasa dan kemahiran berbahasa hanya mampu melahirkan pelajar yang mampu menguasai bahasa untuk tujuan praktis, seperti untuk lulus dalam peperiksaan dan syarat mengisi keperluan pekerjaan.

Dalam konteks kajian ini pengkaji ingin mendapatkan maklumat berdasarkan pandangan para pelajar linguistik bahasa Melayu di USM sebagai data sokongan bagi memastikan kandungan kurikulum, strategi pengajaran pensyarah dan pengujian dan penilaian akan diberikan nilai tambah dari semasa ke semasa. Hal ini kerana matlamat pendidikan bahasa bukan sekadar untuk melahirkan pelajar yang menguasai sistem dan kemahiran bahasa tetapi membentuk pelajar yang bersahsiah tinggi, mempunyai semangat nasionalisme terhadap negara, dan suburnya tradisi pemikiran dan budaya ilmu melalui kreativiti bahasa.

Umum menyedari bahawa persepsi oleh sesetengah pihak, khususnya dalam kalangan bukan Melayu, bahawa peranan bahasa Melayu di

negara ini adalah semata-mata untuk tujuan komunikasi antara rakyat. Dalam hal ini, Teo Kok Seong (2015) menegaskan bahawa pemahaman ini bukan sahaja dangkal malah jelas memperlihatkan betapa jahilnya beberapa pihak tertentu mengenai hubungan antara nasionalisme dan patriotisme dengan bahasa negara, iaitu bahasa Melayu. Ini disokong oleh Awang (2014) yang menyatakan bahawa “bahasa bukan sekadar alat komunikasi sebagaimana yang difahami oleh sesetengah kalangan, malahan merupakan juzuk penting dalam pembinaan diri insan dan selanjutnya dalam pembangunan masyarakat dan negara”.

KEPENTINGAN KAJIAN

Berdasarkan keperluan strategi penyatupaduan nasional dalam menghadapi kepelbagaiannya kaum yang kini semakin mencabar, pelaksanaan penerapan model (MOFPEB) dirasakan perlu untuk menjadi pelengkap kepada PdPc linguistic bahasa Melayu sedia ada yang lebih memfokuskan kepada penguasaan sistem dan kemahiran bahasa. Hal ini bertepatan dengan penekanan aspek penyerapan melalui pelaksanaan pendekatan bersepadu pendidikan bahasa Melayu. Dalam konteks ini, penyerapan ialah penyepaduan elemen yang relevan dalam PdPc bahasa Melayu (Awang 2004).

Penekanan penyepaduan elemen bidang ilmu; hal ehwal persendirian dan kemasyarakatan; semangat kewarganegaraan dan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia harus dilaksanakan. Ringkasnya, strategi penyerapan yang diamalkan dalam PdPc bahasa Melayu dikenali sebagai penyerapan ilmu dan nilai. Awang (2004) menegaskan bahawa strategi penyerapan ini bertujuan mengisi aspek kandungan bahasa, iaitu pemikiran, ilmu, pandangan hidup, sistem nilai, dan warisan yang perlu diperkenalkan kepada generasi muda dalam rangka mengekalkan dan meningkatkan kebudayaan serta tamadun bangsa seperti pernyataan yang dikemukakan oleh beliau seperti yang berikut:

Strategi penyerapan diperkenalkan dengan tujuan yang jelas, iaitu agar unsur ilmu, hal ehwal persendirian dan kemasyarakatan, serta nilai-nilai murni yang menjadi kandungan bahasa itu diajarkan secara berterusan, terancang dan beransur-ansur. Istilah ini menepati erti kata *serap* menurut kamus, iaitu masuk melalui lubang-

lubang seni dan meresap benar ke dalam hati. Segala elemen yang menjadi kandungan bahasa itu perlu dimasukkan “melalui liang-liang seni” membawa maksud pada setiap kesempatan dalam pengajaran, elemen tersebut perlu diketengahkan dengan menggunakan teknik yang cukup berseni, tidak semestinya didaktik. Selain itu, elemen kehidupan yang akan disampaikan melalui pengajaran bahasa itu perlu meresap benar ke dalam hati (Awang 2004; <http://prpm.dbp.gov.my>)

Penerapan model ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada pihak berkepentingan, khususnya Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), pihak Universiti awam mahupun swasta, para pentadbir sekolah, serta guru Bahasa Melayu dalam usaha memperkembangkan potensi pelajar ke arah menjadi warganegara yang bersatu padu.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian analisis keperluan dijalankan adalah untuk meninjau keperluan penerapan model (MOFPEB) berdasarkan pandangan pelajar linguistik bahasa Melayu. Berdasarkan objektif kajian ini, kajian ini berusaha untuk menjawab soalan kajian berikut:

1. Apakah tahap persetujuan pelajar berkaitan elemen yang terkandung dalam tema Konsep?
2. Apakah tahap persetujuan pelajar berkaitan elemen yang terkandung dalam tema Matlamat?
3. Apakah tahap persetujuan pelajar berkaitan elemen yang terkandung dalam tema Kepentingan?
4. Apakah tahap persetujuan pelajar berkaitan elemen yang terkandung dalam tema Kurikulum?
5. Apakah tahap persetujuan pelajar berkaitan elemen yang terkandung dalam tema Strategi Pembelajaran Pelajar?
6. Apakah tahap persetujuan pelajar berkaitan elemen yang terkandung dalam tema Strategi Pengajaran Pensyarah?
7. Apakah tahap persetujuan pelajar berkaitan elemen yang terkandung dalam tema Pengujian dan Penilaian?
8. Apakah tahap penerimaan pelajar terhadap penerapan Model Perpaduan Berasaskan Bahasa Melayu?

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk deskriptif dan dilaksanakan untuk tujuan penerokaan pandangan pelajar linguistik bahasa Melayu di USM, mengenai keperluan (MOFPEB) dalam PdPc linguistik bahasa Melayu untuk tujuan penyatupaduan nasional. Kajian berbentuk deskriptif ini adalah bersesuaian untuk membuat penilaian terhadap kemajuan sesuatu kejadian (Ary dan Jacobs (1990). Hal ini disokong oleh Muhammad Faizal dan Abd. Khalil (2015), kaedah kuantitatif berbentuk kajian tinjauan digunakan untuk mengutip data bagi menerangkan kewujudan yang berlaku mengenai sesuatu pemboleh ubah.

Sampel Kajian

Peserta kajian meliputi 40 orang pelajar linguistik bahasa Melayu di USM. Asas penetapan jumlah sampel kajian ini berdasarkan pandangan Scheaffer, Mendenhall dan Ott (2009), yang menyatakan bahawa had minima peserta kajian bagi kajian tinjauan adalah seramai 30 orang berdasarkan taburan normal (Muhammad Faizal dan Abd. Khalil 2015). Di samping itu, penekanan pengkaji kepada prinsip etika dalam menjalankan kajian turut dikategorikan sebagai usaha untuk mencapai kebolehpercayaan instrumen kajian. Misalnya, dalam kajian ini pengkaji telah menerima kelulusan daripada pihak Universiti Sains Malaysia sebelum menjalankan kajian.

Instrumen Kajian

Soal selidik ini mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama adalah berkaitan dengan demografi responden, manakala bahagian kedua pula mengandungi lapan bahagian yang terdiri daripada 40 soalan berkaitan dengan tahap persetujuan pelajar mengenai penerapan model MOFPEB. Pandangan pelajar mengenai penerapan model ini telah diuji menggunakan skala Likert 5 poin seperti yang berikut: 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Agak Setuju, 4 = Setuju dan 5 = Sangat Setuju.

Sebelum kajian sebenar dijalankan, pengkaji telah menjalankan kajian rintis terlebih dahulu yang melibatkan seramai 30 orang pelajar di USM

untuk menguji dan membina keberkesanannya alat kajian serta memperbaiki dan meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan alat ukur (Fraenkel dan Wallen 1993). Hasil analisis ujian kebolehpercayaan terhadap data rintis menunjukkan nilai alpha Cronbach dengan julat antara .695 hingga .916. Ia bertepatan dengan julat kebolehpercayaan instrumen, iaitu antara .650 hingga .950 seperti yang dicadangkan oleh Chua (2006). Beliau berpendapat item berkemungkinan mengalami pertindihan sekiranya nilai *alpha Cronbach* melebihi .950.

Analisis Kajian

Data soal selidik untuk fasa ini dianalisis dengan menggunakan *Program Statistical Package for The Social Science versi 20*. Proses penganalisisan melibatkan kaedah statistik deskriptif yang menggunakan skor min, sisisian piawai, peratusan dan frekuensi. Penggunaan kaedah ini adalah untuk menjawab soalan kajian. Selain itu, untuk tujuan menganalisis tahap pandangan pelajar terhadap setiap item, jadual 1 di bawah memaparkan tahap pengukuran yang digunakan hasil pengubahsuaian Zulkifli (2012).

JADUAL 1: Interpretasi skor min

Skor Min	Interpretasi (Tahap)
1.0 hingga 2.49	Rendah dan Tidak memuaskan atau Tidak Perlu
2.50 hingga 3.79	Sederhana dan Agak Memuaskan atau Agak Perlu
3.80 hingga 5.00	Tinggi dan Sangat Memuaskan atau Sangat Perlu

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden Kajian

Data yang diperoleh diringkaskan untuk menerangkan tentang profil responden kajian. Analisis data latar belakang responden yang ditunjukkan pada Jadual 2 adalah taburan ciri-ciri demografi responden dalam kajian ini. Hasil dapatan menunjukkan bahawa seramai 6 (15%) responden adalah lelaki manakala 34 (85%) responden adalah perempuan. Hal ini menunjukkan responden perempuan melebihi responden lelaki sebanyak 28 orang. Di samping itu, dapatan juga menunjukkan bahawa seramai 25 orang (62.5%) berumur antara 19 hingga 22 tahun,

12 orang (30%) berumur antara 23 hingga 26 tahun dan 3 orang (7.5%) berumur antara 27 hingga 30 tahun. Hal ini menunjukkan responden berumur antara 19 hingga 25 tahun mendominasi kategori ini manakala 27 hingga 30 tahun adalah bilangan yang paling rendah.

JADUAL 2: Profil responden berdasarkan taburan demografi

	Demografi	Kekerapan	Peratusan
Jantina			
Lelaki	6	15.0	
Perempuan	34	85.0	
Umur			
19-22 tahun	25	62.5	
23-26 tahun	12	30.0	
27-30 tahun	3	7.5	
Bangsa			
Melayu	35	87.5	
Cina	1	2.5	
India	3	7.5	
Lain-Lain	1	2.5	
Negeri Kelahiran			
Kedah	7	17.5	
Perak	11	27.5	
Johor	1	2.5	
Pahang	4	10.0	
Lain-Lain	17	42.5	
Taraf Pendidikan			
Diploma	-	-	
Ijazah Sarjana Muda	39	97.0	
Ijazah Sarjana	1	2.5	
Pusat Pengajian			
Ilmu Kemanusiaan	30	75.0	
Ilmu Pendidikan	10	25.0	
Bahasa Komunikasi			
Bahasa Melayu	37	92.5	
Bahasa Cina	-	0	
Bahasa Tamil	3	7.5	
Tahap Penguasaan Bahasa Melayu			
Baik	23	57.5	
Sederhana	17	42.5	
Pertuturan Dalam Bahasa Melayu			
Ya	39	97.5	
Tidak	1	2.5	
Bahasa Melayu bahasa penyatupadan			
Ya	32	80.0	
Tidak	8	20.0	

Taburan responden dari sudut bangsa pula memperlihatkan bahawa seramai 35 orang (87.5%) adalah bangsa Melayu dan selebihnya adalah

bukan Melayu yang terdiri daripada bangsa Cina adalah 1 orang (2.5%), bangsa India adalah 3 orang (7.5%) dan lain-lain bangsa adalah 1 orang (2.5%). Sementara itu, bagi negeri kelahiran menunjukkan 7 orang (17.5%) adalah negeri Kedah, 11 orang (27.5%) adalah negeri Perak, 1 orang (2.5%) ialah negeri Johor, 4 orang (10%) adalah negeri Pahang dan lain-lain negeri mencatatkan 17 orang (42.5%). Meninjau aspek taraf pendidikan, bilangan pemilik Ijazah Sarjana Muda mendominasi keseluruhan faktor demografi taraf pendidikan. Seramai 39 orang (97%) adalah memiliki Ijazah Sarjana Muda. Bagi pusat pengajian menunjukkan pusat pengajian ilmu kemanusiaan mendominasi bilangan iaitu 30 orang (75%) dan diikuti dengan Ilmu Pendidikan sejumlah 10 orang (25%).

Berdasarkan penggunaan Bahasa menunjukkan bahawa majoriti responden memilih Bahasa Melayu sebagai Bahasa komunikasi seramai 37 orang (92.5%) dan diikuti dengan Bahasa Tamil mencatatkan 3 orang (7.5%) dalam penggunaan bahasa untuk berkomunikasi. Bagi tahap penguasaan Bahasa Melayu menunjukkan responden berada pada tahap baik seramai 23 orang (57.5%) dan tahap sederhana adalah 17 orang (42.5%). Sementara itu majoriti responden bertutur dalam Bahasa Melayu seramai 39 orang (97.5%). Seramai 1 orang (2.5%) tidak bertutur dalam Bahasa Melayu. Analisis data juga menunjukkan 32 orang (80%) menyatakan Bahasa Melayu mampu menjadi bahasa penyatupaduan di USM dan sebaliknya 8 orang (20%) menyatakan Bahasa Melayu tidak mampu menjadi Bahasa Penyatupaduan.

Potensi Kebolehlaksanaan Penerapan Model MOFPEB berdasarkan Pandangan Pelajar

Analisis bahagian ini melibatkan analisis deskriptif statistik bagi meneliti hasil dapatan potensi kebolehlaksanaan penerapan model MOFPEB berdasarkan pandangan pelajar linguistik bahasa Melayu melalui tema konsep, matlamat, kepentingan, kurikulum, strategi pembelajaran pelajar, strategi pengajaran pensyarah, pengujian dan penilaian serta penerimaan pelajar terhadap penerapan model perpaduan berdasarkan bahasa Melayu.

Tema: Konsep

Jadual 3 membincangkan analisis data terhadap tahap persetujuan dan interpretasi responden kajian terhadap tema konsep model MOFPEB. Pada keseluruhannya, didapati tahap persetujuan dan interpretasi responden kajian terhadap setiap item yang dikemukakan adalah tinggi dan sangat memuaskan. Hal ini dapat dilihat melalui skor keseluruhan min adalah 4.12 dan sisihan piawai 0.597.

Hasil perincian analisis data mendapati responden kajian bersetuju pada tahap yang tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan terhadap pernyataan yang pertama, iaitu "*Pemupukan konsep bahasa Melayu sebagai bahasa negara dijalankan dengan lebih bersepadu dan menyeluruh*". Hal ini dapat dilihat melalui skor min adalah 3.925 dan sisihan piawai 0.828. Item ketiga, iaitu "*Menitikberatkan usaha memperkembangkan potensi murid berlandaskan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan*" memperoleh skor min 4.1 dan sisihan piawai 0.777. Item kelima, iaitu "*Setiap individu menggunakan bahasa untuk menyampaikan fakta yang sahih*" memperoleh skor min 4.025 dan sisihan piawai 1.049.

JADUAL 3: Taburan tema konsep

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
1	Pemupukan konsep Bahasa Melayu sebagai bahasa negara dijalankan dengan lebih bersepadu dan menyeluruh	3.92	0.828	Sangat Memuaskan
2	Bahasa Melayu mempunyai kaitan yang erat dengan sejarah dan aspirasi negara	4.37	0.585	Sangat Memuaskan
3	Menitikberatkan usaha memperkembangkan potensi pelajar berlandaskan matlamat Falsafah Pend. Kebangsaan	4.1	0.777	Sangat Memuaskan
4	Potensi berbahasa merupakan kurniaan Tuhan yang perlu dihargai	4.17	0.902	Sangat Memuaskan
5	Setiap individu menggunakan Bahasa untuk menyampaikan fakta yang sahih.	4.02	1.049	Sangat Memuaskan
Keseluruhan		4.12	0.597	Sangat Memuaskan

Tema: Matlamat

Jadual 4 membincangkan analisis data terhadap tahap persetujuan dan interpretasi responden kajian terhadap tema matlamat model MOFPEB. Pada keseluruhannya, didapati tahap persetujuan

dan interpretasi responden kajian terhadap setiap item yang dikemukakan adalah tinggi dan sangat memuaskan. Ini dapat dilihat melalui skor keseluruhan min adalah 4.36 dan sisihan piawai 0.553.

Perincian data memaparkan responden kajian bersetuju pada tahap yang tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan terhadap pernyataan yang kedua, iaitu “*Menghormati budaya kaum lain*”. Hal ini dapat dilihat melalui skor min adalah 4.7 dan sisihan piawai 0.516. Item ketiga, iaitu “*Membina individu pelajar yang mempunyai kesantunan berbahasa*” memperoleh skor min 4.525 dan sisihan piawai 0.678. Item kelima, iaitu “*Menyemai rasa keinsafan tentang sejarah perjuangan menuntut kemerdekaan negara*” memperoleh skor min 4.275 dan sisihan piawai 0.75.

JADUAL 4: Taburan tema matlamat

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
1	Setiap bangsa perlu mempunyai bahasanya sendiri untuk berkenalan	4.025	0.919	Sangat Memuaskan
2	Menghormati budaya kaum lain	4.7	0.516	Sangat Memuaskan
3	Membina individu murid yang mempunyai kesantunan berbahasa yang baik untuk negara	4.52	0.678	Sangat Memuaskan
4	Melahirkan individu yang mempunyai rasa setia terhadap bahasa Melayu sebagai Bahasa negara	4.27	0.816	Sangat Memuaskan
5	Menyemai rasa keinsafan tentang sejarah perjuangan menuntut kemerdekaan negara	4.27	0.75	Sangat Memuaskan
Keseluruhan		4.12	0.553	Sangat Memuaskan

Tema: Kepentingan

Jadual 5 membincangkan analisis data terhadap tahap persetujuan dan interpretasi responden kajian terhadap tema kepentingan model MOFPEB. Pada keseluruhannya, didapati tahap persetujuan dan interpretasi responden kajian terhadap setiap item yang dikemukakan adalah tinggi dan sangat memuaskan. Ini dapat dilihat melalui skor keseluruhan min adalah 4.07 dan sisihan piawai 0.536.

Berdasarkan analisis terhadap setiap pernyataan yang dikemukakan memperlihatkan responden kajian bersetuju pada tahap yang tinggi

dan interpretasi yang sangat memuaskan terhadap pernyataan yang pertama, iaitu “*Pembinaan satu kerangka Falsafah Pendidikan Linguistik bahasa Melayu*”. Hal ini dapat dilihat melalui skor min adalah 4.175 dan sisihan piawai 0.712. Item kedua, iaitu “*Membentuk pelajar yang memastikan bahasa yang keluar hasil tapisan akal fikirannya*” memperoleh skor min 4.125 dan sisihan piawai 0.647. Item keempat, iaitu “*Memupuk amalan keindahan berbahasa*” memperoleh skor min 4.175 dan sisihan piawai 0.675.

JADUAL 5: Taburan tema kepentingan

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
1	Pembinaan Satu Kerangka Falsafah Pendidikan Linguistik bahasa Melayu	4.17	0.712	Sangat Memuaskan
2	Bahasa Melayu sebagai Bahasa negara	4.12	0.647	Sangat Memuaskan
3	Membentuk murid yang memastikan bahasa yang keluar hasil tapisan akal fikirannya	4.125	0.647	Sangat Memuaskan
4	Melahirkan nasionalisme bahasa	4.175	0.675	Sangat Memuaskan
5	Wacana tertutup	3.75	0.742	Sangat Sangat Memuaskan Memuaskan
Keseluruhan		4.07	0.536	Sangat Memuaskan

Tema: Kurikulum

Jadual 6 membincangkan analisis data terhadap tahap persetujuan dan interpretasi responden kajian terhadap tema kurikulum model MOFPEB. Pada keseluruhannya, didapati tahap persetujuan dan interpretasi responden kajian terhadap setiap item yang dikemukakan adalah tinggi dan sangat memuaskan. Ini dapat dilihat melalui skor keseluruhan min adalah 4.04 dan sisihan piawai 0.58.

Berdasarkan analisis terhadap setiap pernyataan yang dikemukakan memperlihatkan responden kajian bersetuju pada tahap yang tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan terhadap pernyataan yang kedua, iaitu “*Usaha pemanusiaan manusia*”. Hal ini dapat dilihat melalui skor min adalah 4.075 dan sisihan piawai 0.693. Item ketiga, iaitu “*Pengembangan potensi berbahasa*” memperoleh skor min 4.075 dan sisihan piawai 0.655. Item kelima, iaitu “*Menekankan titik persamaan yang sepunya dan universal*” memperoleh skor min 3.925 dan sisihan piawai 0.764.

JADUAL 6: Taburan tema kurikulum

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
1	Berlandaskan prinsip pertama Rukun negara iaitu kepercayaan kepada Tuhan	4.175	0.712	Sangat Memuaskan
2	Menekankan usaha ‘Pemanusiaan Manusia’	4.075	0.693	Sangat Memuaskan
3	Pengembangan Potensi berbahasa	4.075	0.655	Sangat Memuaskan
4	Menitikberatkan Kesetiaan terhadap bahasa Melayu	3.95	0.677	Sangat Memuaskan
5	Menekankan titik persamaan yang sepunya dan universal	3.925	0.764	Sangat Memuaskan
Keseluruhan		4.04	0.58	Sangat Memuaskan

Tema: Strategi Pembelajaran Pelajar

Jadual 7 membincangkan analisis data terhadap tahap persetujuan dan interpretasi responden kajian terhadap tema strategi pembelajaran pelajar model MOFPEB. Pada keseluruhannya, didapati tahap persetujuan dan interpretasi responden kajian terhadap setiap item yang dikemukakan adalah tinggi dan sangat memuaskan. Ini dapat dilihat melalui skor keseluruhan min adalah 4.19 dan sisihan piawai 0.508.

JADUAL 7: Taburan tema strategi pembelajaran pelajar

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
1	Penekanan kepada aspek keterampilan berkomunikasi	4.075	0.615	Sangat Memuaskan
2	Pemupukan rasa hormat terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa negara	4.2	0.686	Sangat Memuaskan
3	Menekankan proses sosialisasi yang baik antara pelajar pelbagai kaum	4.15	0.662	Sangat Memuaskan
4	Memberikan ruang kepada murid pelbagai kaum untuk mengetahui budaya masing-masing	4.275	0.64	Sangat Memuaskan
5	Penyerapan nilai kewarganegaraan yang terpuji	4.25	0.707	Sangat Memuaskan
Keseluruhan		4.19	0.508	Sangat Memuaskan

Perincian data memaparkan responden kajian bersetuju pada tahap yang tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan terhadap pernyataan yang kedua, iaitu “*Pemupukan rasa hormat terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa negara*”. Hal ini dapat dilihat melalui skor min adalah 4.2 dan sisihan piawai 0.686. Item ketiga, iaitu “*Menekankan proses sosialisasi yang baik antara*

pelajar pelbagai kaum” memperoleh skor min 4.15 dan sisihan piawai 0.662. Item kelima, iaitu “*Penyerapan nilai kewarganegaraan yang terpuji*” memperoleh skor min 4.25 dan sisihan piawai 0.707.

Tema: Strategi Pengajaran Pensyarah

Jadual 8 membincangkan analisis data terhadap tahap persetujuan dan interpretasi responden kajian terhadap tema strategi pengajaran pensyarah model MOFPEB. Pada keseluruhannya, didapati tahap persetujuan dan interpretasi responden kajian terhadap setiap item yang dikemukakan adalah tinggi dan sangat memuaskan. Ini dapat dilihat melalui skor keseluruhan min adalah 4.0 dan sisihan piawai 0.56.

Perincian data memaparkan responden kajian bersetuju pada tahap yang tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan terhadap pernyataan yang pertama, iaitu “*Memasukkan unsur pendekatan bersepadu secara terancang dan berterusan*”. Hal ini dapat dilihat melalui skor min adalah 4.15 dan sisihan piawai 0.579. Item kedua, iaitu “*Menanam rasa cinta ikhlas kepada bahasa Melayu*” memperoleh skor min 3.925 dan sisihan piawai 0.764. Item kelima, iaitu “*Menghindarkan bahasa pengajaran yang berunsur rasis*” memperoleh skor min 4.225 dan sisihan piawai 0.733.

JADUAL 8: Taburan tema strategi pengajaran pensyarah

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
1	Merancang pengajaran yang memasukkan unsur pendekatan bersepadu secara terancang dan berterusan	4.15	0.579	Sangat Memuaskan
2	Sentiasa mengingatkan pelajar untuk menanam rasa cinta ikhlas kepada bahasa Melayu	3.925	0.764	Sangat Memuaskan
3	Sentiasa mengingatkan kepada pelajar bahasa Inggeris penting sebagai bahasa ilmu dan bukan untuk menjadi penutur jati bahasa tersebut	3.75	0.808	Sangat Memuaskan
4	Memperoleh maklumat dan fakta yang tepat semasa proses PdPc linguistik bahasa Melayu	3.95	0.814	Sangat Memuaskan
5	Menghindarkan bahan pengajaran yang berunsurkan rasis	4.225	0.733	Sangat Memuaskan
Keseluruhan		4.0	0.56	Sangat Memuaskan

Tema: Pengujian dan Penilaian

Jadual 9 membincangkan analisis data terhadap tahap persetujuan dan interpretasi responden kajian terhadap tema pengujian dan penilaian model MOFPEB. Pada keseluruhannya, didapati tahap persetujuan dan interpretasi responden kajian terhadap setiap item yang dikemukakan adalah tinggi dan sangat memuaskan. Ini dapat dilihat melalui skor keseluruhan min adalah 3.95 dan sisihan piawai 0.697.

Perincian data memaparkan responden kajian bersetuju pada tahap yang tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan terhadap pernyataan yang pertama, iaitu “*Bersesuaian dan relevan kepada semua pelajar yang berlainan kaum dan budaya*”. Hal ini dapat dilihat melalui skor min adalah 3.975 dan sisihan piawai 0.697. Item kedua, iaitu “*Seimbang dari segi kandungan dan penerapan potensi diri*” memperoleh skor min 3.875 dan sisihan piawai 0.822. Item keempat, iaitu “*Perdebatan yang bertatasusila*” memperoleh skor min 3.95 dan sisihan piawai 0.782.

JADUAL 9: Taburan tema pengujian dan penilaian

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
1	Bersesuaian dan relevan kepada semua pelajar yang berlainan kaum dan budaya	3.975	0.697	Sangat Memuaskan
2	Seimbang dari segi kandungan dan penerapan potensi diri	3.875	0.822	Sangat Memuaskan
3	Mengenal pasti keperluan dan kelemahan pelajar	4.025	0.697	Sangat Memuaskan
4	Perdebatan yang bertatasusila	3.95	0.782	Sangat Memuaskan
5	Proses pengujian dan penilaian yang sistematis	3.925	0.828	Sangat Memuaskan
Keseluruhan		3.95	0.617	Sangat Memuaskan

Jangkaan: Penerapan Model Perpaduan berdasarkan Bahasa Melayu

Jadual 10 membincangkan analisis data terhadap tahap persetujuan dan interpretasi responden kajian terhadap penerapan model perpaduan berdasarkan bahasa Melayu. Pada keseluruhannya, didapati tahap persetujuan dan interpretasi responden kajian terhadap setiap item yang dikemukakan adalah tinggi dan sangat memuaskan. Hal ini dapat dilihat melalui skor keseluruhan min adalah 4.06 dan sisihan piawai 0.836.

Perincian data memaparkan responden kajian bersetuju pada tahap yang tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan terhadap pernyataan yang pertama, iaitu “*Bahasa Melayu perlu dimartabatkan di USM*”. Hal ini dapat dilihat melalui skor min adalah 4.225 dan sisihan piawai 0.8. Item ketiga, iaitu “*Menggambarkan identity Malaysia*” memperoleh skor min 3.9 dan sisihan piawai 1.104. Apa yang lebih penting pernyataan kelima iaitu “*Model perpaduan berdasarkan bahasa Melayu sangat diperlukan*” juga memperoleh tahap persetujuan yang tinggi dan interpretasi yang memuaskan, iaitu dengan memperoleh skor min 3.95 dan sisihan piawai 0.782.

JADUAL 10: Taburan penerapan Model Perpaduan berdasarkan Bahasa Melayu

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
1	Bahasa melayu perlu dimartabatkan di USM	4.225	0.8	Sangat Memuaskan
2	Segala maklumat yang disampaikan dalam bahasa Melayu lebih jelas	3.85	1.095	Sangat Memuaskan
3	Menggambarkan identiti Malaysia	3.9	1.104	Sangat Memuaskan
4	Melahirkan rasa cinta terhadap negara	4.05	0.959	Sangat Memuaskan
5	Model perpaduan berdasarkan bahasa Melayu sangat diperlukan	4.275	0.846	Sangat Memuaskan
Keseluruhan		4.06	0.836	Sangat Memuaskan

PERBINCANGAN

Gagasan idealisme falsafah pendidikan bahasa bermula pada tahun 1997 dan dilanjutkan pada tahun 2007, 2010 dan 2017 melalui kajian berbentuk tesis Ijazah Kedoktoran dan geran penyelidikan (Awang 1997; Mohd Rashid 2007; Mohd Rashid dan Abu Hassan 2010; Mohd Khairir 2017). Gagasan ini memfokuskan kepada matlamat PdPc bahasa Melayu sebagai satu usaha untuk membentuk konsep diri insan, pengilmuan individu dan masyarakat, proses pewarisan nilai serta tamadun yang menjadi inti pati utama bidang Falsafah Bahasa.

Gagasan ini mula diberikan perhatian buktinya kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) membuktikan bahawa pembuat dasar memahami dan menyedari kepentingan elemen falsafah bahasa yang mendasari aspek penyerapan nilai, kemahiran

berfikir dan perkembangan potensi pelajar dalam PdPc bahasa Melayu.

Justeru, kajian ini dijalankan bertepatan dengan keperluan semasa untuk melihat semula keperluan pelajar dalam PdPc linguistik bahasa Melayu di USM. Secara keseluruhannya, dapatkan kajian analisis keperluan ini menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan terhadap usaha penerapan model MOFPEB ini berdasarkan pandangan pelajar Linguistik Bahasa Melayu di USM. Dapatkan juga membuktikan dengan jelas bahawa para pelajar memerlukan kandungan kurikulum yang sarat nilai, kemahiran berfikir, peningkatan potensi diri melalui penyungkilan bakat dan sebagainya. Kajian ini sekadar usaha kecil untuk memberi kefahaman yang lebih jitu terhadap peranan falsafah bahasa dalam PdPc linguistik bahasa Melayu.

IMPLIKASI KAJIAN

Dapatkan kajian tinjauan ini menunjukkan usaha penerapan model MOFPEB ini diterima oleh para pelajar linguistik bahasa Melayu di USM berdasarkan tahap persetujuan yang tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan terhadap tema konsep, matlamat, kepentingan, kurikulum, strategi pembelajaran pelajar, strategi pengajaran pensyarah dan pengujian dan penilaian yang terkandung dalam model MOFPEB.

Dapatkan ini menunjukkan bahawa elemen-elemen yang terkandung dalam setiap tema tersebut telah berjaya meningkatkan kesedaran dan keilmuan para pelajar tentang peri pentingnya aspek falsafah yang mendasari aspek mekanis dan teknis dalam PdPc linguistik bahasa Melayu (Awang 2016; Mohd Rashid 2012). Kesedaran dan nilai keilmuan ini yang mungkin menjadi faktor kecemerlangan mereka pada masa hadapan dalam usaha pemanusiaan manusia yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial.

KESIMPULAN

Kajian analisis keperluan dilaksanakan dalam usaha pengkaji mengumpulkan maklumat tentang konteks dan situasi kajian daripada pelajar linguistik bahasa Melayu yang juga merupakan pengguna sasaran kepada model MOFPEB ini. Berdasarkan dapatkan analisis keperluan ini

membuktikan bahawa pelajar linguistik bahasa Melayu kini menginginkan PdPc yang seimbang antara aspek kandungan dan penyerapan ilmu-ilmu lain yang akan meningkatkan potensi mereka untuk menempuh kehidupan di masa hadapan.

Di samping itu, penerapan MOFPEB dalam PdPc linguistik bahasa Melayu ini didapati bermanfaat dalam meningkatkan toleransi dan persefahaman antara kaum. Beberapa kekuatan telah ditonjolkan dalam kajian ini, antaranya ialah penggunaan bahasa Melayu dapat memudahkan pemahaman antara pelajar dalam penyampaian sesebuah maklumat. Penghayatan serta pemahaman terhadap bahasa Melayu oleh kaum lain mampu mengelakkan sensitiviti antara kaum kerana masing-masing telah memahami antara satu sama lain melalui penghayatan bahasa Melayu. PdPc linguistik bahasa Melayu yang seimbang sebenarnya mengajar kaum lain untuk memahami budaya masyarakat Melayu yang sarat dengan nilai kesantunan dan adab dalam komunikasi dan perilaku yang mampu menjadi acuan masyarakat Malaysia secara total.

Justeru, berdasarkan dapatkan positif analisis keperluan ini membolehkan kajian selanjutnya berkaitan penerapan model MOFPEB ini dapat dilaksanakan dalam PdPc Linguistik bahasa Melayu. Selain itu, pengkaji juga berharap model ini dapat diterapkan dalam kalangan siswazah pelbagai kaum di universiti tempatan yang lain.

PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan hasil daripada geran yang dianugerahkan oleh USM, iaitu Geran Bridging Insentif (No. Geran: 304-PHUMANITI.6316409) berjumlah RM5000 bagi tempoh 12 bulan yang bermula pada 15 Disember 2018 dan berakhir pada 24 Disember 2019.

RUJUKAN

- Aliza Ali & Zamri Mahamod. (2015). Analisis keperluan pengguna sasaran modul pendekatan berdasarkan bermain bagi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 3 (1):1-8.
 Ary, D., Jacobs, L.C., & Razavieh, A. (1990). *Introduction to research in education*. Fort

- Worth: Harcourt Brace College Publishers.
- Awang Sariyan. (1997). *Falsafah Pendidikan Bahasa: Kajian tentang Konsep dan Pelaksanaannya di Malaysia dengan Rujukan Khusus kepada Pendidikan Bahasa Melayu di Sekolah Menengah*. Tesis Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Awang Sariyan. (2004). *Teras pendidikan Bahasa Melayu asas pegangan guru*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Awang Sariyan. (2010). Pemartabatan bahasa kebangsaan dalam pembinaan negara bangsa. Syarahan Bahasa sebagai Penyandang Kursi Pengajian Melayu Malaysia-China anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur dan IPG Tengku Ampuan Afzan. Kuala Lipis, 25 Februari.
- Awang Sariyan. (2014). *Peranan bahasa dalam pembinaan insan dan pembangunan negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Branch, R. M. (2009). *Instructional design: The ADDIE approach*. New York: Springer.
- Cohen, L., Manion, L., Morrison, K. (2007). *Research methods in education. 6th Edition*. New York: Routledge.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Asas statistik penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (M) Sdn. Bhd.
- DeWitt, D. (2010). *Development of collaborative m-learning module on nutrition for Form Two students*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Fraenkel, J.R. & Wallen, N.E. (1993). *How to design and evaluate research in education*. New York: Mc Graw-Hill Inc.
- Gagne, M.R., Wager, W.W., Golas, K.C. & Keller, J.M. (2005). *Principles of instructional design. 5th Edition*. Belmont, CA: Wadsworth.
- Model Falsafah Penyatuan Bangsa (MOFPEB) (2019). No IPR (LY2019000405) CR2019/34-Pemfailan Hak Cipta. Universiti Sains Malaysia.
- Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin. (2011). Sistem pendidikan di Malaysia: Dasar, cabaran, dan pelaksanaan ke arah perpaduan nasional. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan (SOSIOHUMANIKA)*, 4 (1): 33-47.
- Mohd Rashid Md Idris. (2007). *Falsafah bahasa: Nilai estetik dan intelek dalam pantun*. Tesis Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Mohd Rashid Md Idris. (2012). *Teori falsafah bahasa: Teori Rashid*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Faizal A.Ghani & Abd. Khalil Adnan. (2015). Model program perkembangan profesionalisme guru Malaysia: Satu kajian analisis keperluan di sekolah berprestasi tinggi dan sekolah berprestasi rendah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2 (2): 1-16.
- Ong Sze Chong, Zamri Mahamod & Hamidah Yamat. (2013). Faktor Jantina, kaum, aliran kelas dan hubungannya dengan kecerdasan emosi murid dalam mempelajari Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3 (1): 12-23.
- Rashidah Mamat. (2013). Pembangunan dan penilaian pakej pembelajaran mudah alih KOMSAS bahasa Inggeris Tingkatan empat. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Reinbold, S. (2013). Using the ADDIE model in designing library instruction. *Medical Reference Services Quarterly*, 32 (3): 244-256.
- Richey, R.C., & Klein, J.D. (2007). *Design and development research*. New York: Routledge.
- Saedah Siraj. (2008). *Kurikulum masa depan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Saedah Siraj, Norlidah Alias, Dorothy DeWitt & Zaharah Hussin. (2013). *Design and developmental research: Emergent trends in educational research*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2014). *Perpaduan, kesepadan, penyatupaduan: Satu negara, satu kata akar, tiga konsep keramat*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Teo Kok Seong. (2015). Prasangka terhadap Bahasa Melayu perlu dihentikan. *Berita Harian*, pp. 27.
- Zainudin Awang. (2015). *SEM model simple: A gentle approach to learning Structural Equation Modeling*. Bangi: MPWS Rich Publication Sdn. Bhd.
- Zamri Mahamod, Jamaludin Badusah, Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff, Mohamad Amin Embi &

- Sharala A/P Subramaniam. (2014). Penggunaan dan kekerapan strategi pembelajaran Bahasa Melayu pelajar Asing. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4 (2): 25-35.
- Zulkifli Awang. (2012). Strategi pengajaran mata pelajaran Pendidikan Jasmani yang berkesan. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.